

24/03/2002

Zimbabwe dihukum kerana ganyang pemilik ladang

Munshi

BRITAIN dan Australia dengan sokongan Nigeria dan Afrika Selatan berjaya mendesak Komanwel agar menggantung keanggotaan Zimbabwe selama setahun daripada pertubuhan itu.

MUNSHI: Bekas kuasa penjajah Britain masih mahu cuba menunjukkan taringnya apabila mendesak Komanwel bertindak terhadap Zimbabwe.

London sebenarnya tidak senang dengan kemenangan Robert Mugabe dalam pilihan raya umum baru-baru ini mengalahkan calon disenangnya, Morgan Tsvangirai.

Kekuasaan terus Mugabe bermakna petani miskin Zimbabwe akan meneruskan kempen merampas semua ladang yang masih dalam genggam segelintir pemilik kulit putih yang mengaut keuntungan hasil ladang yang subur itu.

Pada zaman penjajahan dulu memanglah mereka boleh memperbodoh dan memperhambakan penduduk kulit hitam tetapi bukan pada zaman IT ini.

Sebelum ini pun, akhbar The Sunday Telegraph, London, memfitnah kononnya Mugabe secara sulit mengirim RM55 juta ke bank di Malaysia melalui Kepulauan Channel.

Bank Negara menafikan laporan tidak disebutkan sumber dan mengaibkan itu. The Sunday Telegraph tidak ada bukti kukuh menuduh kita, lagipun Malaysia tidak pernah menonjol sebagai pusat menyimpan atau menyembunyikan wang hasil kegiatan penindasan, penyelewengan pemimpin seperti Switzerland atau Cayman Islands ataupun Singapura.

London nampaknya turut tidak senang hati dengan dasar Malaysia yang menyokong Mugabe selama ini dan berjaya bekerjasama rapat dengan Harare dalam mengasas dan mempromosi ikatan usaha sama Selatan-Selatan. Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, juga pernah melawat Zimbabwe. Ini tentunya dipandang sinis bekas penjajah yang semakin terpinggir akibat kemajuan Malaysia dan Zimbabwe.

(END)